

20/05/2002

Bila CNN berkesempatan menemu bual Dr M

Mior Kamarul Shahid

DALAM temu ramah Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan wakil CNN, Zain Verjee, yang disiarkan Jumaat lalu, Perdana Menteri disogokkan dengan pelbagai soalan provokasi. Ini tidak menghairankan kerana kecenderungan stesen televisyen itu sememangnya begitu. Setiap masa CNN akan cuba mencari kelainan daripada stesen televisyen lain untuk mendapatkan seramai mungkin penonton. Berita yang positif bukanlah isu yang baik bagi CNN. Suasana aman adalah perkara biasa yang bukan boleh dijadikan bahan berita. Lebih banyak huru-hara, lebih mudah mendapatkan bahan berita.

Stesen itu lebih gemar memilih isu sensasi untuk siaran. Berita positif bukanlah benteng kekuatan CNN. Inilah kononnya cara CNN membentuk kewibawaannya supaya dianggap sentiasa berani. CNN tidak mengundang Ahmad, Ah Chong atau Muthusamy untuk diwawancara jika mereka memihak kepada kerajaan. Mereka hanya akan menemu bual orang seperti ini bila ada isu yang menghentam kerajaan. Jika orang seperti ini mahu mendedahkan mengenai ketidakadilan kerajaan, barulah mereka diberikan ruang untuk bercakap.

Berita pembangunan dianggap `sampah' oleh stesen yang sentiasa mencari populariti. Oleh itu, mereka memilih isu dan tokoh yang kontroversi. Pemilihan Dr Mahathir kerana beliau mempunyai pandangan yang berbeza dengan kebanyakan pemimpin lain. Kebetulan Perdana Menteri berada di Amerika Syarikat setelah mengadakan pertemuan dengan Presiden George W Bush. Peluang ini digunakan bagi menemu bual Dr Mahathir untuk bertanya mengenai hasil pertemuan dengan Bush dan seterusnya memenuhi agendanya dengan mengajukan soalan lain yang boleh mencetuskan kontroversi politik.

Dengan mengundang Dr Mahathir, mereka yakin akan mendapat bilangan penonton yang ramai mengikuti rancangan itu. Sebenarnya CNN mengakui Dr Mahathir adalah pemimpin yang sering mendapat perhatian dunia, malah boleh memberi impak kepada Amerika Syarikat sendiri. Dalam pergolakan dunia hari ini, Dr Mahathir dianggap sebagai salah seorang pemimpin negara Islam yang mempunyai pengaruh. Pendapatnya mudah mencetuskan perdebatan umum.

Daripada soalan yang dikemukakan, jelas menunjukkan Verjee bukanlah bidan terjun. Beliau membuat sedikit-sebanyak kerja rumah atau menyemak beberapa perkara secara rambang mengenai isu yang menghantui Malaysia. Jika tidak, beliau tidak boleh berdepan dengan Dr Mahathir. Beliau juga mungkin mendapat maklumat daripada orang tertentu atau soalan sudah dibincangkan oleh kumpulan yang ditubuh oleh penerbit rancangan itu. Inilah cara kerja wartawan televisyen.

Daripada soalan yang dikemukakan, CNN atau Verjee tidak membuat penyelidikan. Hasil daripada sesuatu penyelidikan tidak boleh disamakan dengan butiran yang diperolehi daripada pembacaan sesuatu laporan, berita akhbar, rencana dari majalah atau mendengar pendapat orang lain. Kemungkinan besar, semua maklumat yang salah itu diperolehi daripada laman web yang menentang kerajaan.

Hari ini bahan rujukan tanpa bertapis mudah diperolehi daripada Internet. Kewujudan Internet memudahkan kerja mereka. Mereka tidak perlu lagi membuat analisis kerana segala-galanya sudah disediakan oleh pihak yang bermasalah. Untuk memudahkan kerja, CNN hanya perlu membentuk soalan. Menerusi bahan-bahan yang dikutip daripada sumber antikerajaan, ia membentuk persepsi negatif yang juga menghasilkan soalan negatif.

Sebaliknya, penyelidikan mementingkan fakta. Sekiranya soalan yang dikemukakan hasil daripada bahan penyelidikan mengenai keadaan sebenar di Malaysia, Verjee mungkin tidak mempunyai soalan yang hendak ditanya.

Rancangannya akan menjadi kaku dan tidak menarik. Oleh itu, CNN sentiasa mengambil sikap pertentangan. Dengan Dr Mahathir, CNN tersalah langkah. Soalan sinis, mendapat jawapan yang sinis juga.

Adalah tidak salah CNN mengemukakan soalan provokasi sekiranya tujuannya adalah untuk mendapatkan maklumat dan mengetahui kedudukan sebenar. Tetapi, setelah jawapan diberikan, CNN seharusnya membuat penilaian yang baru dan adil, bukan lagi mempercayai bahan-bahan yang disiarkan menerusi laman web.

Kalau mahu menjadi stesen televisyen yang dihormati, mereka tidak boleh mempercayai bahan-bahan yang disiarkan menerusi laman web kerana laman seperti itu boleh menyiarkan apa saja tohmahan tanpa tapisan fakta. Menceduk sesuatu daripada laman web seperti ini seolah-olah CNN mengiktiraf bahan yang tidak berwibawa. Akibatnya, CNN akan menjadi stesen yang tidak berwibawa.

Menerima undangan CNN itu jelas menunjukkan Dr Mahathir tidak gentar menghadapi stesen televisyen itu kerana beliau pastinya sudah boleh membaca bentuk soalan utama yang akan diajukan kepadanya. Beliau juga tahu ia akan hanya memenuhi agenda CNN. Tetapi, disebabkan perlu membetulkan persepsi dunia, Dr Mahathir tetap muncul dalam rancangan yang mereka kendalikan itu dengan hati terbuka. Sebagaimana dijangka, soalan berkisar kepada isu tidak popular di Malaysia. Malaysia tetap dianggap sebagai sarang penjenayah dan Dr Mahathir masih ditonjolkan sebagai pemimpin yang tidak berkompromi terhadap pembangkang.

Dalam isu utama yang dibangkitkan, Verjee tidak sedikit pun menunjukkan persetujuannya dengan jawapan Dr Mahathir, sebaliknya terus mengajukan soalan yang berbau pendapat pembangkang. Semua ini berlaku kerana dunia luar tidak memahami suasana dan keadaan di Malaysia. Mereka mahu Malaysia mengikuti piawaian antarabangsa sedangkan di negara mereka sendiri keadaannya adalah lebih buruk.

(END)